
BIL. 38 JUL 2019

8 staf UMP tunai haji tahun ini

Seramai lapan orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) dipilih menjadi tetamu Allah SWT bagi menunaikan ibadah haji.

Mereka adalah pasangan suami isteri iaitu Ts. Dr. Nafrizuan Mat Yahya dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Dr. Azlyna Senawi dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).

Turut sama Nadiatul Adilah Ahmad Abdul Ghani dan Hasmanie Abdul Halim dari Fakulti Kejuruteraan Awam, Rahman Mohd Romlay daripada FKMP, Syahrulnaim Mohamad Nawi dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dan Dr. Khairul Salleh Abdul Basit dari Pusat Kesihatan Universiti.

Mereka dirai dalam Majlis Doa Selamat anjuran Jabatan Pendaftar UMP yang berlangsung di Dewan Bank pada 1 Julai 2019 yang lalu.

Majlis disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Ts. Dr. Kamal, dengan sumbangan buat bakal haji.

Menurut Profesor Ts. Dr. Kamal, saban tahun universiti meraikan staf UMP yang bakal mengerjakan ibadah haji sebagai tanda kepekaan pihak pengurusan terhadap pencapaian warga kerja UMP sama ada dalam konteks kecemerlangan peribadi.

“Pemilihan dan penyenaiaan seseorang sebagai bakal jemaah haji bagi sesuatu musim haji juga merupakan satu pencapaian yang istimewa dan besar maknanya.

“Ini adalah kerana kita sedia maklum bahawa proses pemilihan dan penyenaraian tersebut oleh pihak Lembaga Pelajar Lama dengan tempoh menunggu yang agak panjang,” katanya.

Beliau turut menasihatkan bakal haji untuk sentiasa menjaga keselamatan dan kesihatan diri dan menyempurnakan ibadah haji.

Bagi bakal haji, Dr. Azlyna Senawi, 38, beliau amat berterima kasih kepada UMP atas sumbangan dan doa untuk beliau.

Beliau tidak menyangka pada tahun ini terpilih untuk mengerjakan ibadah haji bersama suami kerana pada tahun-tahun sebelumnya beliau pernah mengerjakan ibadah haji.

“Semoga dipermudahkan segala urusan sepanjang di sana nanti dan mendapat haji yang mabrur,” ujar beliau.

Terdahulu semua bakal haji turut mengikuti Seminar Haji Intensif bersama Dr. Muhamad Hilmi Mat Saad yang merupakan Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) yang banyak menerangkan mengenai perkara-perkara yang perlu diperhatikan semasa menunaikan ibadah haji.

UMP cungkil bakat pelajar hasil reka cipta berteraskan penjimatan tenaga AiNEX

Sebanyak 50 hasil penyelidikan peserta dalam kalangan pelajar sekolah menengah hingga ke peringkat universiti telah memenangi pertandingan *Advanced Innovation & Engineering 2019* (AiNEX) anjuran Pusat Kejuruteraan Automotif (AKA) Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang pada 3 Julai 2019 yang lalu.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah AEC, Profesor Madya Dr. Abdul Adam Abdullah.

Dalam ucapannya beliau berkata, pertandingan itu diadakan untuk melahirkan penyelidik muda dari peringkat sarjana dalam menyalurkan idea kreatif dan inovatif dalam menghasilkan produk berteraskan penjaminan serta mesra alam.

“Penganjuran ini merupakan kali ketiga ini untuk terus menyokong misi UMP dalam menyediakan pendidikan tinggi kualitinya dalam bidang kejuruteraan serta teknologi.

“Dalam masa yang sama, menerusi program ini dapat membudayakan kreativiti dan inovasi.

“Penganjuran ini juga merupakan platform terbaik untuk para penyelidik menghasilkan inovasi dan ciptaan yang berkesan.

Hadir sama Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) UMP, Kapten Imaduddin bin Yusoff, Pegawai Kesihatan Bersekutu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr. Zafri Azran Abdul Majid.

Sebanyak tiga kategori melibatkan ahli akademik, pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan pelajar sekolah.

Bagi anugerah terbaik keseluruhan dimenangi oleh pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ahli Penyelidikannya *Epoxidized Natural Rubber (ENR) Modified Bitumen and Asphalt Mixture* iaitu satu produk inovatif untuk jalan raya yang dapat menyelesaikan masalah kerosakan jalan raya.

Beliau yang turut meraih tempat pertama bagi kategori universiti membawa pulang sijil, medal dan wang tunai. Manakala bagi kategori universiti pula tempat pertama telah dimenangi oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) Universiti Malaysia (UPM).

Bagi kategori sekolah pula tempat pertama telah dimenangi oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Wahab bin Abdul Kadir, Kuala Lumpur, manakala bagi kategori kedua pula telah dimenangi oleh Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Tun Abdul Razak, Pekan dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur, Selangor, Kuala Lumpur.

Manakala bagi kategori kolej pula tempat pertama telah dimenangi oleh Kolej Vokasional Temerloh, diiktirafkan oleh Kolej Profesional MARA Indera Mahkota dan Kolej Vokasional Kuantan.

Bagi Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan pula telah dimenangi oleh Kolej Vokasional Temerloh Pahar *off Fuel Ignition (AFI)* dan Anugerah Khas Sekolah Berinovasi pula telah dimenangi oleh Sekolah Menengah Selangor.

ERAS kongsi kepakaran dalam bidang Kejuruteraan

Oleh: SAFUAN SHARIFF DAN MOHD HASHIM MOHD SAAD, PUSAT KELESTARIAN SUMBER BUMI UMP

Menyedari kepentingan peranan jurutera pada masa depan, Pusat Kelestarian Sumber Bumi (ERAS), bekerjasama *Youth Wing of Malaysian Geotechnical Society (YMGS)* telah menganjurkan Program Kerjaya Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang.

Program ini juga bertujuan memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada mahasiswa Fakulti Kejuruteraan terutamanya kepada mereka yang berada di tahun akhir untuk membuat persiapan melangkah ke alam pekerjaan.

Menurut Pengarah ERAS, Profesor Madya Dr. Muzamir Hasan yang juga Timbalan Pengerusi YMGS berkecuali yang mengumpulkan para jurutera geoteknikal dalam menjalankan pelbagai aktiviti dalam dan luar negara.

“Usaha ini dapat membantu pengembangan teori serta amalan terbaik jurutera geoteknikal tempatan dan memperoleh maklumat berkaitan daripada badan profesional yang bergerak aktif.

“Ia banyak membantu bakal graduan UMP mempersiapkan diri bagi mendepani dunia pekerjaan dan menyokong lonjakan strategik UMP dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan,” katanya.

Beliau turut bersama-sama berkongsi pengalaman dan kajian penyelidikan berkaitan bidang geoteknikal seperti perlombongan Bauxite di Bukit Goh Kuantan (*Geotechnical Properties Of Kuantan Bauxite*).

Tambah beliau lagi dalam memastikan ilmu geoteknikal terus berkembang, ERAS telah menjalinkan kerjasama antaranya usaha sama dengan Universiti Yamaguchi Jepun (YU) yang menganugerahkan sumbangan dalam menjalankan kajian-kajian berkaitan bidang geoteknikal.

Kini, ERAS telah berada pada fasa kedua kerjasama dalam bidang Kejuruteraan Geoteknik dari segi inovatif Point dalam projek-projek pembinaan di Jepun dan Malaysia bersama Asahi Techo. Co., LTD Jepun.

Turut berkongsi pengalaman dalam program kerjaya ini ialah Pengarah Dr. Toh Associate Sdn. Bhd., Ipoh.

mengenai syarikat berkaitan bidang geoteknikal ini.

Pasukan bola sepak UMP timba pengalaman di Kur

Oleh: MOHD. FARID ALI, PUSAT SUKAN DAN KEBUDAYAAN UMP

Pasukan bola sepak Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang menimba pengalaman di Kunming 2019 *South & South East Asia Student College Culture and Sports Week* di Kunming University of Science Jun 2019 yang lalu.

Seramai 18 orang pemain dipilih beraksi ke kejohanan ini bagi membuat persediaan dan latihan untuk m disertai sepanjang tahun 2019 dan 2020 nanti dengan diiringi jurulatih pasukan, Mohd Farid Md Ali.

Kejohanan menyaksikan pasukan UMP FC berjaya menundukkan pasukan Vietnam National University (pasukan Myanmar Mandalay University (MU) dengan jaringan 1-1.

Namun UMP FC terpaksa akur dengan kekalahan apabila tewas kepada Yunnan Normal Unive Souphannouvong University Laos.

Menurut Pengurus Pasukan, Abu Sufian Mokhtar, selain memperoleh pengalaman dalam bola sepak, pengalaman lain termasuklah merasai suasana pembelajaran di KUST, budaya masyarakat setempat dan

Manakala menurut Mohd Farid pula, peluang menimba pengalaman beraksi bersama pasukan lebih banyak diharapkan dapat membantu memantapkan para pemain sekaligus dijadikan bekalan bagi menghadapi beberapa masa akan datang.

“Kami juga ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada pihak universiti yang telah memberi peluang peringkat lebih tinggi.

Program anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan ini mendapat kerjasama pihak Pejabat Naib Canselor, Pengerusi Ehsan Pelajar dan Alumni (JHEPA).

Kejohanan tahunan anjuran KUST ini adalah daripada program pertukaran pelajar antarabangsa dan penganjuran.

Selain daripada memperoleh pengalaman beraksi dengan pasukan-pasukan yang terbaik dan berpengalaman atlet UMP juga dapat menimba pengalaman menjalani ibadah puasa dan menyambut Aidilfitri di Kunming, China.

Mereka turut dijemput oleh Jeneral Konsulat Malaysia di Kunming untuk menyambut Aidilfitri di Rumah Terbuka sambutan yang meriah.

Malahan mereka juga berpeluang melawat tempat menarik di sekitar Kunming seperti *Green Lake*, *Golden Temple* dan *Yongning* yang telah dibina sejak Dinasti Yuan. Turut sama bersama pasukan di Kunming ialah Pengerusi Antarabangsa UMP, Dr. Nik Aloesnita Nik Alwi dan Dr. Mohd Azmir Mohd Azhari.

Kolej Kediaman wadah pembangunan holistik dan pencetus cemerlang mahasiswa

Oleh : ROSJULIANA HIDAYU ROSLI

e-Mel: rosjuliana@ump.edu.my

Keterangkuman dan pengupayaan mahasiswa merupakan komponen penting dalam proses pendidikan berkualiti untuk kepentingan negara. Ianya merangkumi pelbagai sifat dan ciri penganjuran program mahasiswa, mengantarabangsakan aktiviti pelajar dan melibatkan pelajar dalam program bersifat patriotik program kemanusiaan selari dengan misi universiti.

Membentuk modal insan bukanlah usaha yang mudah dan boleh dilakukan dalam masa yang singkat. Ia berterusan. Dalam pembentukan mahasiswa ini bukan hanya tertumpu kepada satu pihak sahaja, malah ia melibatkan pensyarah, pengetua kolej kediaman, felo kolej kediaman, penasihat akademik mahasiswa malah warga kolej kediaman dan tanggungjawab tersendiri untuk memastikan graduan yang dilahirkan adalah graduan yang berprestasi akademik yang cemerlang dan mempunyai nilai kemahiran insaniah yang tinggi.

Selain fakulti yang lazimnya berperanan secara langsung dalam menyediakan dan melaksanakan program pengajian mahasiswa di universiti, kolej kediaman juga merupakan tempat pembelajaran kedua bagi mahasiswa kolej kediaman untuk mengembangkan potensi dalam diri mahasiswa dan merupakan pelengkap kepada fakulti. Mahasiswa kolej kediaman menjadi warga kolej kediaman pada dua semester pertama iaitu satu tahun dan ada juga mahasiswa kolej kediaman yang melanjutkan pengajian. Ini menjadikannya umpama rumah kedua bagi mahasiswa.

Salah satu individu penting dalam memastikan kejayaan agenda pembangunan pelajar di kolej kediaman adalah pihak pengurusan tertinggi universiti bagi mentadbir urusan sesebuah kolej kediaman mahasiswa dan kolej kediaman mereka. Nilai kepimpinan, integriti dan akauntabiliti perlu dilihat kepada seorang pengetua itu. Selain itu, pihak kolej kediaman sebagai seorang ibu atau ayah kepada mahasiswa merupakan elemen atau nilai karakter yang paling penting dalam kolej kediaman dan keterlibatan pengetua dalam program yang dianjurkan oleh mahasiswa sesungguhnya merupakan tanggungjawab terhadap pengetua yang bertanggungjawab.

Selain itu, felo kolej kediaman juga merupakan insan-insan yang terlibat sama dalam pembentukan mood tinggal di dalam kolej kediaman. Felo juga merupakan penasihat kepada mahasiswa ketika di kolej kediaman mahasiswa. Mereka juga turut terlibat dalam menasihati aktiviti-aktiviti kolej yang telah dirancang sepanjang dan dilaksanakan di kolej kediaman sepanjang sesi pengajian adalah melalui perancangan oleh jawatan seperti perwakilan mahasiswa kolej kediaman atau jawatankuasa kolej kediaman. Penglibatan mahasiswa kolej kediaman dapat mengubah gaya pemikiran, tahap kematangan, nilai konsep sendiri dan memperkasakan

Kolej kediaman perlu merealisasikan visi, misi dan matlamat yang telah ditetapkan bagi mendepani cabaran sudut akademik dan akhlak. Elemen kemahiran insaniah merangkumi etika dan kerohanian, kemahiran berfikir dan ilmu pengetahuan juga perlu diterapkan kerana ini akan menyumbang kepada keberhasilan mahasiswa daripada aspek kepimpinan, kefasihan pelbagai bahasa, keusahawanan dan kemahiran generik.

Sebagai sebuah negara yang terdiri dari pelbagai bangsa dan agama, rakyat Malaysia perlu menerapkan dan juga kesepakatan antara satu sama lain. Biarpun jurang polarisasi kaum semakin mengurang, namun di peringkat universiti. Kolej kediaman adalah tempat kediaman bagi mahasiswa dan pelaksanaan aktiviti mahasiswa berbilang kaum amatlah digalakkan.

Dalam mendepani keperluan pasaran kerja perlu difahami sebaiknya, sama ada bakal majikan dan juga proses untuk membina kematangan, daya pemikiran yang tinggi dan pembinaan konsep sendiri. Bagi pengambilan pekerja yang bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik tetapi mempunyai figura profesional berkeyakinan tinggi, berintegriti dan boleh berperanan sebagai ahli pasukan atau kumpulan yang baik. Maka sudut, bagi mendepani permintaan ini. Persiapkan diri dengan kemahiran yang anda peroleh ketika menun

Peranan kolej kediaman perlu dihargai dan diperkasakan agar ianya kekal relevan dan dihormati seiring pemangkin kepada kecemerlangan mahasiswa. Pasti, cetusan hasil tarbiah peribadi dan konsep kerohanian selain dari ibu bapa yang telah membesarkan mereka semenjak kecil. Tatkala kaki melangkah meninggi, peranan penting sebagai tempat pembelajaran kedua yang inklusif dalam membangunkan potensi individu.

Penulis ialah Guru Bahasa di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan UMP.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabita@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lina@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap artikel yang tidak mengubah isi tulisan. Karya yang disiarkan tidak dapat dikembalikan. Buletin e-CREATE. Karya yang diterbitkan adalah tanggungjawab Kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan data.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penanggungjawab.

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

